

26 MAY 2003

Chan-Bonus/I

SARAWAK MASIH BELUM PUTUSKAN MENGENAI BONUS SETENGAH BULAN

KUCHING, 26 Mei (Bernama) -- Kerajaan Negeri Sarawak masih belum memutuskan sama ada akan membayar bonus setengah bulan kepada 20,000 kakitangan awamnya, kata Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Dr George Chan hari ini.

Dr Chan yang juga Menteri Kewangan dan Kemudahan Awam negeri berkata beliau akan membincangkan perkara itu dengan kabinet negeri bagi kelulusan sebelum bonus dapat dibayar.

"Biasanya kita ikut langkah kerajaan Persekutuan tetapi kita masih belum memutuskannya," katanya kepada pemberita di sini.

Ditanya sama ada pesara akan menerima faedah yang sama, Dr Chan berkata: "Saya belum tahu tetapi biasanya kita ikut (kerajaan) Persekutuan."

Minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan pakej rangsangan ekonomi RM7.3 bilion, mengumumkan bonus setengah bulan akan dibayar kepada lebih 900,000 kakitangan awam persekutuan bulan depan.

Dr Chan yang juga merupakan Menteri Pembangunan Perindustrian negeri turut menggesa Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Sarawak untuk menerokai pasaran global.

Beliau berkata sudah tiba masanya bagi IKS untuk menyahut cabaran berikutan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) akan menyebabkan kemasukan besar-besaran produk asing.

"IKS perlu memperoleh teknologi terkini, menggaji mereka yang berkelayakan dari luar dan menjalin usahasama dengan syarikat asing untuk mengekalkan pasaran terbuka," katanya.

Beliau berkata sekiranya IKS tempatan enggan berbuat demikian, dengan itu mereka tidak akan dapat bersaing dalam pasaran terbuka.

Dr Chan berkata kerajaan Persekutuan dan negeri telah menyediakan banyak insentif bagi IKS tetapi terserah kepada mereka untuk memanfaatkan peluang berkenaan.

-- BERNAMA

RDY RHM